

# Perisian UPM rangsang keyakinan Ecah

**Sabak Bernam:** Perisian Latihan Maya Orang Kurang Upaya (OKU) yang dibangunkan Universiti Putra Malaysia (UPM) mampu menjadi sumber inspirasi buat Siti Nuraisyah Sahrin, 13, atau Ecah yang putus kedua-dua kaki akibat digilis lori, 18 Januari lalu.

Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM, Profesor Madya Dr Asnarulkhadi Abu Samah berkata, perisian yang mengandungi empat modul itu mampu merangsang keyakinan diri Ecah.

Katanya, perisian yang dibangunkan sejak dua ta-

hun lalu itu diharap dapat membantu aspek psikologi dan memberi motivasi kepada golongan OKU.

“Melalui perisian ini, kami dapat menilai tahap keupayaan sendiri OKU itu. Berdasarkan itu, kita dapat mengetahui apakah keperluan individu berkenaan dan tahap keupayaannya,” katanya ditemui ketika mengunjungi Ecah di rumahnya di Parit 16, Sungai Panjang, dekat sini, baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, Ecah turut diberi penerangan mengenai penggunaan perisian latihan maya berkenaan.



**PEGAWAI UPM (kanan) menerangkan penggunaan perisian kepada Ecah sambil diperhatikan Dr Asnarulkhadi (berdiri).**